

**Serah memo kepada PM**  
**Utusan Online**  
**25 Jun, 2012**  
**Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA**

KUANTAN 24 Jun - Seramai 80 pekerja ladang Felda Global Ventures Plantations (M) dari Bukit Sagu, Lepar dan sekitar Kuantan di sini hari ini merayu kepada Datuk Seri Najib Tun Razak supaya memberikan mereka bonus khas dua bulan setengah gaji.

Selain itu, mereka juga merayu supaya turut ditawarkan saham Felda Global Ventures Holdings (FGV) serta disediakan tempat tinggal setelah bersara.

Rayuan itu dinyatakan melalui memorandum yang disampaikan kepada Ahli Parlimen Paya Besar, Datuk Abdul Manan Ismail untuk diserahkan kepada Perdana Menteri.

Mereka yang hadir menyerahkan memorandum itu adalah pekerja ladang warga tempatan yang menerima gaji hari seperti penyelia, penuai, pekerja am dan pemandu yang kebanyakannya sudah berkhidmat 10 ke 20 tahun.

Pengerusi Gabungan Pekerja-Pekerja Ladang Plantations. Roslan Hamid berkata, memorandum ini sebagai memohon pembelaan daripada kerajaan.

"Tidak kira kami ini penyelia, penuai mahupun pemandu, kami sudah berkhidmat dengan Plantations melebihi 10 tahun dan kami juga inginkan pembelaan," katanya.

Seorang pekerja ladang, Hasanah Che Mat berkata, dia sangat berharap rayuan mereka itu diterima, sekali gus membuktikan kerajaan tidak mengabaikan kebajikan pekerja ladang Plantations di negara ini.

Sementara itu, Abdul Manan berkata, insya-Allah beliau akan segera bertemu Perdana Menteri untuk menyerahkan memorandum tersebut.

"Memorandum ini sebagai luahan hati pekerja-pekerja ladang Plantations yang turut inginkan pembelaan daripada kerajaan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0625&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek\\_05.htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0625&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_05.htm)